OPERASI METAFORA NILAI KERAJINAN DALAM PERIBAHASA MELAYU DAN PERIBAHASA TAMIL: ANALISIS TEORI HIBRID

(*The Operational Metaphor of Diligence Value in Malay and Tamil Proverbs: A Hybrid Theory Analysis*)

Anida Sarudin[1]
anida@fbk.upsi.edu.my

Parameswary Shanmugam[2]
paramesshan94@gmail.com

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.[1&2]

Pengarang Koresponden (Corresponding Author): [2]

Rujukan makalah ini (To cite this article): Anida Sarudin & Parameswary Shanmugam. (2023). Operasi metafora nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil: Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Bahasa, 23*(1), 33–64. http://doi.org.10.37052/jb23(1)no2

Peroleh: *Received*:	27/6/2022	Semakan: *Revised*	19/7/2022	Terima: *Accepted*:	21/3/2023	Terbit dalam talian: *Published online*:	18/4/2023

Abstrak

Peribahasa berperanan untuk menyampaikan sesuatu mesej secara implisit bagi menegur atau memuji kelakuan seseorang tanpa menyinggung perasaannya berdasarkan konteks situasi dan budaya. Nilai moral pula berupaya untuk membentuk pemikiran yang luhur dan sahsiah yang baik. Makalah ini mengetengahkan operasi metafora bagi peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil bersandarkan nilai kerajinan menerusi rantau konsepsi Teori Hibrid yang digagaskan oleh Tendahl (2009). Rantau konsepsi ini terdiri daripada konsep leksikal, konsep *ad hoc* dan slot kosong yang merangkumi domain, skema imej, metafora konsepsi dan metonimi konsepsi. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang melibatkan kaedah analisis

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2023. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives 4.0 International (CC BY-NC-ND 4.0)

1511-9084 e-ISSN: 2462-1889

kandungan. Tumpuan secara terperinci diberikan kepada satu data peribahasa Melayu dan satu data peribahasa Tamil yang digunakan pada peringkat sekolah rendah sahaja. Analisis kajian mendapati bahawa pengkonsepsian nilai kerajinan bagi peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil memfokuskan usaha dan kegigihan. Amalan kehidupan masyarakat Melayu dan India memperlihatkan persamaan dan perbezaan dari segi nilai budaya dan falsafah peribahasa secara jelas. Pengaplikasian Teori Hibrid memaparkan satu trend baharu dalam merungkaikan akal budi masyarakat tradisional secara komprehensif dan menjelaskan pragmatik leksikal.

Kata kunci: Nilai kerajinan, rantau konsepsi, Teori Hibrid, peribahasa Melayu, peribahasa Tamil, akal budi

Abstract

Proverbs serve to convey a message implicitly as a way to reprimand or praise a person's behaviour without offending his/her feelings based on the context of the situation and culture. Moral values are able to form a noble mind and a good personality. This paper highlights the operational metaphors in Malay and Tamil proverbs based on the diligence value through the conceptual space of Hybrid Theory proposed by Tendahl (2009). This conceptual space consists of lexical concept, ad hoc concept as well as empty slots that include domain, image schema, conceptual metaphors and conceptual metonyms. This is a qualitative study that involves content analysis. Detailed focus is given to one Malay proverb data and one Tamil proverb data that is used at the primary school level only. The analysis of the study found that the conceptualisation of diligence in Malay and Tamil proverbs emphasizes on effort and perseverance. The life practices of the Malay and Indian communities clearly show similarities and differences in terms of cultural values and philosophy of proverbs. The application of Hybrid Theory exhibits a new trend in dismantling the common sense of traditional societies comprehensively and explaining lexical pragmatics.

Keywords: *Diligence value, conceptual space, Hybrid Theory, Malay proverbs, Tamil proverbs, common sense*

PENGENALAN

Metafora yang dicipta oleh sesebuah masyarakat mempamerkan pengalaman, persekitaran, nilai dan emosi dari perspektif budaya.

Lakoff dan Johnson (1980) berpendapat bahawa masyarakat dahulu menggunakan metafora dalam perbualan harian untuk menerangkan pengalaman yang diperoleh daripada sesuatu unsur atau lambang, serta mengubah cara pemikiran manusia bagi menggambarkan sesebuah situasi yang belum dijangka. Sehubungan dengan itu, Nor Hashimah et al. (2012) telah menegaskan bahawa bahasa ialah satu daripada fenomena yang turut mengalami kemajuan dan transformasi. Penjanaan makna dalam pemikiran masyarakat Melayu secara tersurat dan tersirat mengalami evolusi menerusi penciptaan simpulan bahasa dan peribahasa. Konteks kehidupan masyarakat yang berlainan budaya menjadi faktor utama dalam memperlihatkan persamaan dan perbezaan dari sudut nilai falsafah peribahasa.

Sesungguhnya, penggunaan peribahasa dalam kehidupan seharian dapat membentuk sikap yang positif dan memberikan pengajaran kepada masyarakat. Peribahasa merupakan gabungan dua kata, iaitu **peri** dan **bahasa**. Menurut Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011), kata **peri** merujuk hal, keadaan, sifat, cara, kejadian dan peristiwa, sementara kata **bahasa** didefinisikan sebagai satu sistem lambang bunyi yang digunakan oleh manusia untuk meluahkan fikiran dan perasaan, atau menyampaikan konsep bagi mewakili benda, tindakan, idea dan keadaan dalam suatu pertuturan supaya dapat difahami oleh pendengar. Peribahasa Tamil dikenali sebagai *pazhamozhi* dalam kalangan masyarakat India. Sauntharapandian (1998) turut menyatakan bahawa rangkai kata *pazhamozhi* dapat dipisahkan kepada dua kata, iaitu *pazham* yang bermaksud lama atau matang, dan *mozhi* yang bermaksud bahasa. Gabungan kedua-dua leksikal ini menghasilkan maksud bahasa yang lama atau matang.

Peribahasa merupakan tunjang dalam proses mendidik murid yang bakal menjadi pelapis pemimpin negara. Sehubungan dengan itu, Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah menggariskan 17 nilai murni utama dalam kurikulum dengan mengetengahkan peribahasa menerusi proses pengajaran dan pembelajaran (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011). Nilai kerajinan merupakan nilai yang mempunyai kekerapan data tertinggi dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu dan Bahasa Tamil pada peringkat sekolah rendah. Kerajinan bermaksud usaha berterusan yang penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan berdaya maju apabila melakukan sesuatu perkara (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000).

Dalam kajian ini, sebanyak sepuluh data peribahasa Melayu dan tujuh data peribahasa Tamil yang bersandarkan nilai kerajinan pada aras

sekolah rendah telah ditapis. Hanya satu data peribahasa Melayu dan satu data peribahasa Tamil sahaja yang akan dianalisis dengan lebih terperinci menggunakan Teori Hibrid. Tendahl (2009) telah menggagaskan teori ini dengan menggabungkan pendekatan linguistik kognitif dan pragmatik melalui Teori Relevans untuk mengkaji metafora. Penggunaan Teori Hibrid dipercayai dapat menonjolkan elemen peradaban bangsa menerusi konsep semantik, sekali gus mentafsirkan makna kata yang berbentuk figuratif, tersirat dan implisit. Penjelasan lanjut tentang teori ini akan dibincangkan dalam bahagian metodologi.

OBJEKTIF KAJIAN

Makalah ini bertujuan untuk meneliti operasi metafora bagi nilai kerajinan dalam data peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil secara terperinci dari sudut akal budi dan falsafah masyarakat tradisional berdasarkan fitur elemen Teori Hibrid.

PERNYATAAN MASALAH

Secara umumnya, penganalisisan operasi metafora peribahasa berdasarkan akal budi dan falsafah pemikiran masyarakat disifatkan sebagai kajian permukaan yang perlu didalami dan diperincikan untuk mencetuskan permasalahan kajian. Walaupun kajian lepas yang lain mengupas peribahasa sebagai elemen peradaban bangsa, perincian tentang nilai peribahasa tidak diberikan. Misalnya, kupasan kajian lampau hanya terbatas pada makna peribahasa, sedangkan perspektif tanggapan bangsa itu sendiri tidak dikupas. Hal ini dapat dilihat dalam kajian peribahasa Tamil (Jeffrey Devathanjam & Manonmani Devi, 2019), peribahasa Jepun (Hirotani & Fujii, 2019) dan peribahasa Turki (Pecenek, 2018). Oleh itu, penyelidikan ini berpotensi untuk memperlihatkan rantau konsepsi nilai kerajinan bagi kedua-dua jenis peribahasa dari perspektif masyarakat Melayu dan India menerusi Teori Hibrid.

Menurut Arni (2012), pelajar tidak dapat memahami peribahasa dengan baiknya kerana mengandungi maksud abstrak yang sukar digarap. Walaupun peribahasa merupakan khazanah penting yang diamalkan sejak turun-temurun untuk menyampaikan sesuatu mesej dalam masyarakat, generasi muda pada masa ini tidak sebati dengan penggunaan peribahasa dalam kehidupan seharian dan kurang menitikberatkannya. Kebanyakan pelajar didapati lebih banyak menghafal rumus demi mencapai markah yang baik berbanding dengan menghayati unsur seni dalam bahasa itu

sendiri. Oleh hal yang demikian, kajian ini mampu menonjolkan tafsiran makna peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dengan lebih sistematik.

Tinjauan kosa ilmu sangat penting dalam kajian ini untuk menguasai ilmu metafora, teori semantik dan budaya merentas bahasa. Penelusuran ilmu mendapati bahawa kajian tentang metafora dan peribahasa banyak dilakukan di dalam negara dari pelbagai aspek. Kajian barat pula lebih memfokuskan penggunaan idiom antara dua budaya. Kajian tempatan dan barat menunjukkan persamaan dan perbezaan yang unik dari segi penciptaan peribahasa.

SOROTAN KAJIAN

Peribahasa berfungsi untuk merakam perihal, keadaan, sifat, cara, kejadian, peristiwa dan pelbagai nilai dalam kehidupan masyarakat. Beberapa kajian peribahasa telah dibincangkan dari aspek linguistik (Asad & Nor Hashimah, 2018; Bruening, 2020; Muhammad Zaid & Mary Fatimah, 2019, 2021; Muhammad Zaid et al., 2021; Tangaprabu et al., 2019). Setiap kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam kajian lampau telah dikupas berdasarkan teori, data dan metodologi yang digunakan oleh pengkaji lepas supaya kajian peribahasa yang lebih komprehensif dapat ditonjolkan pada masa akan datang.

Kajian Muhammad Zaid et al. (2021) telah menjelaskan imej perlambangan gagak dalam peribahasa Melayu menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dan rangka rujuk silang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk analisis dokumen. Pengkaji telah mengumpulkan data menggunakan kamus peribahasa berdasarkan persampelan bertujuan. Sebanyak sembilan data peribahasa Melayu yang berunsurkan gagak telah diperoleh. Analisis mendapati bahawa terdapat anteseden bertentangan yang diberikan kepada sifat gagak. Pengkaji telah meneliti dan menilai persepsi negatif masyarakat Melayu dahulu tentang burung gagak. Makalah ini menunjukkan bahawa rujukan anteseden ditemukan apabila membincangkan pengkonsepsian peribahasa menerusi sifat burung gagak. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini akan mengupas peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dari perspektif Teori Hibrid yang melibatkan rantau konsepsi dan silang budaya.

Terdapat beberapa kajian peribahasa antara dua budaya yang melihat persamaan dan perbezaan falsafah masyarakat tradisional (Azim, 2018; Filipczuk-Rosinska, 2016; Kulkova & Fischer, 2019; Ragini & Che Ibrahim, 2015; Zaid & Wan Suhaila, 2017). Pengkaji Barat, Filipczuk-Rosinska (2016) telah menjalankan kajian perbezaan antara peribahasa Inggeris dengan

peribahasa Poland untuk melihat perlambangan manusia sebagai tumbuhan menggunakan model ideal kognitif. Model ini dipercayai dapat mewujudkan set korespondensi merentas domain untuk membentuk semula proses pemetaan supaya tidak menimbulkan sebarang kekangan dari segi konsep. Perbandingan sampel perincian rumusan metafora antara peribahasa Inggeris dengan peribahasa Poland digubal menggunakan ciri positif dan negatif. Domain sumber tumbuhan yang digunakan untuk memahami dan mewakili domain sasaran manusia adalah wajar. Namun begitu, terdapat konflik dalam pendeskripsian elemen metafora konsepsi kerana berlaku ketidakseimbangan antara penutur Inggeris dengan penutur Poland. Dari sudut kritikan pula, makalah ini masih perlu diperkemas dari aspek cara menjelaskan hujah kajian perbandingan peribahasa antara dua budaya.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Zaid dan Wan Suhaila (2017) membincangkan pertentangan binari dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Jepun bagi melihat persamaan makna antara kedua-dua peribahasa tersebut. Analisis mendapati bahawa masyarakat Melayu dan masyarakat Jepun mempunyai kesejajaran pemikiran dalam penciptaan peribahasa walaupun unsur yang digunakan berbeza. Pertentangan binari yang digunakan adalah seperti “susah dan senang”, serta “baik dan buruk”. Walaupun pengaruh budaya dan alam dua masyarakat ini berbeza, maksud yang ingin disampaikan sama. Makalah ini menggambarkan perbandingan peribahasa tempatan dengan peribahasa asing berdasarkan Teori Pertentangan Binari, sementara penyelidikan ini menggunakan Teori Hibrid untuk melihat pengkonsepsian nilai moral dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini ialah pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis kandungan. Berg (2001) menegaskan bahawa analisis kandungan merupakan satu daripada teknik untuk membuat inferens secara sistematik dan objektif untuk mengenal pasti ciri istimewa teks yang diteliti. Sebanyak 17 data peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil yang bertemakan nilai kerajinan telah dikumpulkan daripada buku teks Bahasa Melayu dan Bahasa Tamil yang digunakan pada peringkat sekolah rendah. Kajian ini memfokuskan analisis bagi satu data peribahasa Melayu dan satu data peribahasa Tamil secara mendalam.

Buku teks sekolah diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehubungan dengan itu, perolehan data yang bersumberkan organisasi ini tidak perlu disangkal dari segi kesahihan dan standardisasinya. Data peribahasa ini merupakan data jenis sekunder yang bersifat autentik.

Data sekunder merujuk data sedia ada yang telah dihasilkan oleh pihak lain secara individu atau dalam organisasi. Penggunaan data korpus sebagai data sokongan disebabkan oleh sifatnya sebagai bahasa semula jadi yang meliputi penulisan dan lisan. Pangkalan data korpus bagi bahasa Melayu telah dicapai dan diperoleh daripada sistem pendigitalan Dewan Bahasa dan Pustaka menerusi laman sesawang (http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/Search2.aspx), manakala tiada pembinaan data korpus bagi bahasa Tamil. Data korpus digunakan untuk menunjukkan pembuktian bagi maksud sebenar penggunaan sesuatu leksikal dalam peribahasa atau ayat.

TEORI HIBRID

Teori Hibrid merupakan kombinasi linguistik kognitif dan lingkungan pragmatik melalui Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Markus Tendahl selepas kegagalan Teori Blending. Sesungguhnya, Teori Hibrid ini digambarkan keistimewaannya menerusi pembentukan rantau konsepsi. Menurut Tendahl (2009), rantau konsepsi merupakan satu kawasan abstrak dalam minda manusia yang memfokuskan tiga unsur utama, iaitu konsep leksikal, konsep *ad hoc* dan slot kosong. Rantau konsepsi turut didefinisikan sebagai lingkungan yang mempunyai pelbagai elemen yang tidak khusus untuk mendapatkan makna leksikal. Maka, muncul slot kosong dalam rantau tersebut yang memerlukan domain, skema imej, metafora konsepsi, dan metonimi konsepsi bagi membantu mentafsirkan metafora. Sperber dan Wilson (1986) berpendapat bahawa konsep leksikal didefinisikan sebagai pengetahuan sedia ada yang membentuk andaian dan struktur imej yang berkaitan dengan pengertian makna sesuatu kata.

Konsep *ad hoc* ialah unit pemikiran penutur yang dapat diinterpretasikan oleh pendengar pada satu-satu masa yang sifatnya agak spesifik dan seketika (Carston, 2002). Konsep *ad hoc* terdiri daripada *ad hoc* peluasan dan *ad hoc* penyempitan yang dibina secara pragmatik oleh pendengar semasa proses pemahaman ujaran. Tambahnya lagi, konsep *ad hoc* peluasan ini berfungsi untuk memahami atau menginterpretasikan makna bukan literal, seperti kiasan, bahasa figuratif dan metafora. Pendengar akan mengekodkan konsep yang dikod oleh leksikal untuk mendapatkan ciri logik dan ensiklopedia tertentu. Seterusnya, pendengar akan membuat pilihan berdasarkan ciri yang diperoleh dengan menggugurkan andaian yang tidak relevan dalam konteks tersebut serta menerima input yang relevan sebagai gambaran pendapat penutur. *Ad hoc* peluasan dibentuk daripada beberapa siri ayat, manakala *ad hoc* penyempitan dihasilkan menerusi gambar rajah untuk pemahaman yang lebih berkesan.

Konsep *ad hoc* penyempitan pula digunakan untuk menyelesaikan masalah ketaksaan ujaran, terutamanya bagi leksikal yang mempunyai pelbagai makna dan rujukan, seperti polisemi. Kebiasaannya, *ad hoc* penyempitan diaplikasikan apabila sesuatu leksikal atau ungkapan yang digunakan kabur atau mempunyai pelbagai inferens (Rozaimah & Nor Hashimah, 2013). Pembaca akan membuat pemilihan atau pengguguran andaian yang tidak relevan dengan konteks, serta menyempitkan makna yang diingini. Sejajar dengan itu, konsep *ad hoc* mengandungi slot yang menerima struktur daripada domain luar.

Rajah 1 menunjukkan aliran pembentukan maklumat tetap berkonteks yang ditemukan dalam peribahasa yang bersumberkan nilai kerajinan. Konsep leksikal mengandungi sesuatu maklumat tetap yang diterbitkan daripada konsep *ad hoc*. Makna konsep leksikal tersebut akan dihubungkan melalui domain sumber, skema imej, metafora konsepsi, dan metonimi konsepsi. Semua elemen ini dinyatakan sebagai maklumat tetap berkonteks yang berfungsi untuk mengawal pembentukan konsep leksikal sebagai metafora dalam sesuatu peribahasa. Huraian fenomena tentang pemahaman makna kata dapat dicapai menerusi konsep *ad hoc* dan konsep leksikal dalam sesebuah rantau konsepsi.



Rajah 1 Aliran pembentukan maklumat tetap berkonteks. (Diadaptasi daripada Tendahl, 2009)

Slot kosong pula terdiri daripada domain, skema imej, metafora konsepsi, dan metonimi konsepsi. Langacker (1987) mendefinisikan domain sebagai konteks bagi menggambarkan sifat unit semantik. Dengan erti kata lain, domain ialah pengetahuan latar belakang untuk mewakili idea, iaitu unit teras representasi mental. Misalnya, domain sumber akan

disasarkan kepada sesuatu fokus yang dinamakan sebagai domain sasaran. Seterusnya, Gibbs dan Steen (1997) mengemukakan maksud skema imej sebagai penstrukturan pengalaman dalam bentuk imej yang disimpan dalam pemikiran manusia, serta dapat memahami dan menjelaskan sesuatu konsep baharu. Johnson (1987) pula menyatakan bahawa terdapat sepuluh jenis skema imej yang berbeza, iaitu skema imej pusat-pinggiran, bekas, daya, kitaran, aturan linear, penghubung, bahagian-keseluruhan, laluan, ukuran dan tatatingkat. Langacker (1987) turut memperkenalkan istilah *trajector* (TR) dan *landmark* (LM). Sesungguhnya, TR merupakan peserta yang diberi fokus dalam sesuatu senario yang dipotretkan, manakala LM ialah titik tumpuan dan lazimnya menjadi peserta sokongan dalam suatu peristiwa yang dipotretkan. Kebiasaannya, TR merupakan entiti yang bergerak dan bersaiz lebih kecil daripada LM. Oleh itu, TR akan beralih ke arah LM dalam sesebuah senario pergerakan.

Selaras dengan itu, metafora konsepsi ialah suatu bentuk prosedur kognisi yang digunakan oleh manusia untuk memahami entiti abstrak melalui benda yang konkrit (Kovecses, 2000). Entiti konkrit ini biasanya dijadikan domain sumber untuk memahami entiti abstrak yang dikenali sebagai domain sasaran. Menurut Lakoff dan Johnson (1980), terdapat tiga jenis metafora konsepsi yang asas, iaitu metafora orientasi, metafora ontologi, dan metafora struktural. Metafora orientasi melibatkan peluasan makna atau konsep orientasi, seperti dalam-luar, atas-bawah dan hadapan-belakang kepada domain bukan ruang. Seterusnya, metafora ontologi merujuk pengkonseptualisasian benda yang abstrak (emosi, idea, fenomena persekitaran) menjadikannya seperti benda konkrit (sesuatu entiti atau tempat). Metafora struktural pula mengambil kira item yang banyak bersusun dalam pengalaman hidup sebagai sumber domain untuk memahami sesuatu konsep yang baharu.

Kovecses (2000) turut menegaskan bahawa metonimi konsepsi digunakan sebagai fenomena rujukan apabila sesuatu entiti digantikan dengan satu daripada ciri atau sifat rujukan tersebut. Fungsi metonimi lebih bersifat rujukan dan melibatkan satu domain konsep sahaja. Tambahan lagi, metonimi melibatkan hubungan konsepsi “merujuk kepada” atau “melambangkan” antara dua entiti (Kovecses & Szabo, 1996). Penutur konteks dan pendengar yang terlibat dalam sesuatu tafsiran metafora mempunyai kaitan dengan teori berdasarkan persekitaran kognitif. Misalnya, persekitaran kognitif merangkumi andaian yang diperoleh daripada ingatan atau boleh disimpulkan daripada andaian sedia ada. Andaian tersebut tidak semestinya betul, tetapi harus nyata dan memerlukan seorang pengantara untuk mengesahkan kebenaran tersebut. Kebanyakan andaian daripada memori jangka panjang ini akan menjadi nyata dalam komunikasi.

Tendahl (2009:204) dalam bukunya menyatakan bahawa:

I do not claim that this is a complete representation of the conceptual region. In fact, it will probably never be possible to sketch a complete representation of a conceptual region, because conceptual regions may be differ a lot between different individuals and even within individuals in different situations. Therefore, the following figure is only a simplified diagram that is supposed to give a general idea of what a conceptual region is.



Rajah 2 Rantau konsepsi Teori Hibrid. (Diadaptasi daripada Tendahl, 2009)

Tendahl berpendapat bahawa rantau konsepsi ini sememangnya tidak dapat memberikan gambaran perwakilan secara menyeluruh. Hal ini dikatakan sedemikian kerana rantau konsepsi mungkin berbeza berdasarkan pemahaman individu, bahkan mengikut situasi yang berbeza-beza. Oleh itu, gambar rajah ini hanyalah reka bentuk yang dipermudah untuk memberikan bayangan umum tentang sesebuah rantau konsepsi. Walau bagaimanapun, pengkaji boleh mengubah suai reka bentuk rantau konsepsi ini mengikut kesesuaian kajian. Rantau konsepsi Teori Hibrid ini ditunjukkan dalam Rajah 2.

DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

Penganalisisan operasi metafora bagi data peribahasa telah dibuat berdasarkan fitur elemen yang terdapat dalam Teori Hibrid, seperti konsep leksikal, konsep *ad hoc*, domain sumber dan domain sasaran, skema imej, metafora konsepsi, serta metonimi konsepsi. Pengkonsepsian nilai kerajinan bagi satu data peribahasa Melayu dan satu data peribahasa Tamil dikupas secara terperinci dari segi akal budi, serta daya renung masyarakat Melayu dan masyarakat India. Nilai ini sering diamalkan dalam kehidupan harian masyarakat Melayu dan masyarakat India pada zaman dahulu. Perkara ini dapat dilihat ketika masyarakat Melayu bekerja di sawah padi sebagai petani dan masyarakat India bekerja di ladang getah untuk menyara hidup.

Menurut Ruslan dan Abd Sukor (2019), kegiatan ekonomi sara diri masyarakat Melayu tradisional pada masa dahulu adalah sama seperti masyarakat India yang melibatkan aktiviti bercucuk tanam, memungut hasil hutan, menternak haiwan dan menangkap ikan untuk dijadikan sebagai sumber makanan harian. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa fakta ini berhubung kait dengan pengkhususan budaya. Sememangnya, sikap tidak berputus asa sangat penting dalam kehidupan manusia bagi mencapai sesuatu matlamat atau kejayaan. Berkait dengan perkara ini, nilai kerajinan memberikan impak yang tinggi dalam kehidupan seseorang individu, seperti mencapai kedudukan yang lebih stabil daripada kedudukan sedia ada dalam sesuatu bidang atau kerjaya. Sekiranya kita mengimbas sejarah, dapat dilihat bahawa petani menggunakan tulang empat kerat untuk mengerjakan sawah sebelum penggunaan jentera berteknologi diperkenalkan dalam bidang pertanian.

Peribahasa Melayu

Analisis Data 1

Kod Data	:	PM 1001
Peribahasa	:	Bagai lebah menghimpun madu
Maksud	:	Seseorang yang tekun dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan sempurna.
Nilai	:	Kerajinan

Peribahasa memiliki implikatur tersendiri dalam sesuatu analisis. Implikatur dapat didefinisikan sebagai proses saringan makna berlapis yang mengeluarkan istilah linguistik dan menghubungkaitkan istilah tersebut dengan pemetaan domain. Tambahan lagi, pemetaan domain dilihat berlaku dalam ruang kognitif menerusi penghasilan konsep *ad hoc* yang memunculkan persepsi daripada pengalaman badaniah penutur. Maka, kognitif atau akal budi dilihat lebih memfokuskan pengalaman badaniah yang diberikan berdasarkan konteks leksikal sebelum analisis lanjut dilakukan.

Pecahan Maksud

Lebah dan madu tidak dapat dipisahkan antara satu dengan lain. Lebah sering membina sarang di atas dahan pokok yang tinggi di dalam hutan atau berhampiran dengan sungai. Sesungguhnya, hutan dan sungai merupakan sumber utama pencarian rezeki bagi kumpulan manusia (Nurul Aini, 2012). Masyarakat Melayu yang bercucuk tanam, serta memungut buah dan daun herba di kawasan tersebut melihat ketekunan lebah yang rajin bekerja untuk menghasilkan madu. Maka, peribahasa ini telah dicipta berdasarkan daya renung masyarakat feudal dahulu.

Pecahan maksud yang digunakan bagi data PM 1001 terdiri daripada leksikal **lebah**, **menghimpun** dan **madu**. Lebah merupakan sejenis serangga yang bersaiz kecil dan unik, serta hidup secara berkelompok (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015). Menurut Budi (2004), ciri lain yang dimiliki oleh seekor lebah ialah tiga pasang kaki dan dua pasang kepak. Lebah juga mempunyai sengat pada badannya dan mampu mengumpul madu. Kebiasaannya, lebah akan mendirikan sarang pada atap rumah, dahan pokok dan di atas bukit.

Lebah yang dikenali sebagai serangga terbang sosial mempunyai lebih kurang 20,000 spesies dan boleh ditemukan di setiap benua, kecuali Antartik. Fungsi utama lebah adalah untuk memindahkan debunga, serta menghasilkan madu dan lilin lebah. Menurut Budi (2004) lagi, lebah dapat dibahagikan kepada tiga kasta utama dalam sesebuah kelompok, iaitu lebah betina, lebah jantan dan ratu lebah. Lebah betina yang tidak boleh bertelur merupakan lebah pekerja yang bertugas untuk mengumpulkan nektar dan membersihkan sarang. Ratu lebah bertanggungjawab untuk mengawal seluruh aktiviti koloni lebah, sementara lebah jantan hanya berfungsi untuk mengawani ratu lebah. Sarang lebah dibuat daripada lilin yang boleh didapati pada badan lebah pekerja yang berumur sepuluh hari. Ulasnya lagi, kelenjar lilin yang diperoleh daripada badan lebah dapat membentuk susunan segi enam atau heksagon yang berfungsi untuk menyimpan madu, polen lebah, telur, larva dan pupa lebah. Sarang lebah didapati mempunyai kandungan vitamin, karbohidrat, unsur surih dan asid lemak yang bermanfaat. Lelya (2016) turut berpendapat bahawa lebah boleh meneruskan hidup dengan memakan nektar dan debunga. Nektar ialah cecair bergula yang dihasilkan oleh tumbuhan untuk menarik serangga pemangsa. Nektar sering ditemukan pada bunga segar dan mengandungi nutrien yang diperlukan oleh serangga kecil. Antara pendebunga utama yang menghisap nektar termasuklah lebah, kupu-kupu, rama-rama dan burung madu. Tambahnya lagi, lebah akan meminta bantuan lebah lain untuk membawa sumber makanan yang dicari ke sarang.

Madu merupakan sejenis manisan semula jadi yang dihasilkan oleh lebah daripada nektar bunga ketika musim pendebungaan. Leksikal **menghimpun** dapat dikaitkan dengan tingkah laku lebah pekerja yang mengumpulkan makanan yang telah ditemukan ke dalam kantung pembawa nektar yang terdapat pada bahagian abdomennya. Setelah kantung tersebut penuh, lebah pekerja akan kembali ke sarang untuk melakukan proses pemindahan nektar. Selain itu, lebah akan membentuk kawanan besar yang dikenali sebagai geriak dan terbang untuk membina sarang baharu pada musim bunga. Geriak didefinisikan sebagai tingkah laku lebah apabila ratunya meninggalkan koloni lama bersama-sama dengan lebah pekerja dan membentuk sebuah koloni baharu (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015).

Lebah berpotensi untuk menghasilkan madu lebih banyak daripada keperluannya. Seiring dengan itu, terdapat pelbagai gred madu yang dijual dalam pasaran untuk kegunaan masyarakat. Menurut Febri (2019), madu yang dihasilkan berbeza-beza bergantung pada jenis lebah dan sumber

nektar yang diperolehnya. Nektar yang bercampur dengan enzim akan mengubah komposisi kimia dan nilai pH untuk penyimpanan jangka masa panjang. Warna, rasa, aroma dan tekstur madu turut menunjukkan variasi bergantung pada jenis bunga yang dihinggap oleh lebah.

Masyarakat Melayu gemar menggunakan madu dalam bidang perubatan tradisional untuk merawat luka, batuk, dan radang tekak, serta mencegah diabetes. Manfaat madu terhadap kesihatan manusia sememangnya tidak dapat dinafikan. Antara keistimewaan madu termasuklah mengandungi zat makanan, mengurangkan berat badan, membekalkan tenaga dan menguatkan sistem imunisasi manusia. Madu turut mempunyai fungsi untuk mencegah penuaan dan menjadi penguat ingatan. Menurut Doni (2020), madu mempunyai keupayaan untuk membersihkan kotoran yang terdapat di dalam pembuluh darah dan usus, sekali gus membantu proses pencernaan manusia.

Konsep *Ad Hoc*

Data peribahasa PM 1001 menggunakan *ad hoc* peluasan yang dibentuk daripada satu siri ayat. *Ad hoc* ini berfungsi untuk mentafsirkan makna bukan literal, seperti kiasan dan metafora. Andaian dan kesimpulan implikatur boleh dibina untuk memahami metafora melalui *ad hoc* peluasan. Andaian implikatur boleh terbina dan dihuraikan daripada data. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji merungkaikan tafsiran makna berdasarkan kupasan leksikal yang didukung oleh sesuatu data peribahasa. Pentafsiran peribahasa secara umumnya melibatkan konteks yang implisit dan abstrak, sementara pentafsiran berfokus perlu dilihat daripada makna peribahasa. Oleh itu, makna peribahasa sering menjadi panduan dan disokong dengan leksikal daripada konteks untuk mengukuhkan pemahaman terhadap data peribahasa tersebut. Maka, hanya satu andaian akan dipilih sebagai kesimpulan yang paling relevan daripada pelbagai andaian yang terhasil. Data PM 1001 boleh menghasilkan tafsiran atau andaian implikatur seperti yang berikut:

i. Bagai lebah menghimpun madu.

ii. Lebah merupakan serangga yang mempunyai sengat, madu ialah manisan yang dihasilkan oleh lebah.

iii. Lebah mengumpulkan madu daripada pelbagai jenis bunga sebagai sumber makanan utama.

iv. Lebah menggerakkan usaha, madu ialah hasil daripada usaha.

v. Lebah dan madu digambarkan sebagai simbol daya usaha, kesungguhan dan kerajinan.*

Daya usaha menggambarkan kegigihan seekor lebah bersaiz kecil yang sanggup berdikari dan mengumpul nektar daripada bunga untuk dijadikan sebagai sumber makanan. Seterusnya, kesungguhan diprojeksikan menerusi tugas lebah ketika membuat proses pengewapan air madu dan membersihkan sarang tanpa mengira musim hujan atau panas. Kegigihan lebah melakukan kerja menghimpunkan madu tanpa berputus asa sangat jelas dipancarkan melalui nilai kerajinan. Maklumat tetap berkonteks bagi data peribahasa ini ialah kesungguhan ketika melaksanakan sesuatu pekerjaan. Oleh hal yang demikian, interpretasi [v] telah dipilih sebagai kesimpulan implikatur berdasarkan konteks data [1]. Maksud yang didukung oleh leksikal **lebah** dan **madu** dibuktikan melalui sumber surat khabar, majalah, buku, monograf, artikel, himpunan peribahasa dan sebagainya dalam pangkalan data korpus DBP.

Lebah bermaksud sejenis serangga kecil yang menghisap nektar daripada bunga. Berdasarkan Korpus DBP (2022), bukti korpus bagi leksikal **lebah** adalah seperti yang berikut.

Contoh 1: Sengat <u>lebah</u> boleh menyebabkan kesan alergi yang teruk.

Contoh 2: Sarang <u>lebah</u> mengandungi pelbagai manfaat kesihatan.

Contoh 3: Terdapat tujuh spesies <u>lebah</u> madu yang hidup dalam puak Apini.

Madu pula merujuk manisan yang dihasilkan oleh lebah untuk kegunaan manusia. Berdasarkan Korpus DBP (2022), bukti data korpus bagi **madu** adalah seperti yang berikut.

Contoh 1: <u>Madu</u> boleh menyembuhkan luka dan kesan terbakar dengan cepat.

Contoh 2: Ismail suka makan lempeng kelapa dengan <u>madu</u>.

Contoh 3: Pak Yaakob menjual <u>madu</u> kelulut di pasar malam.

Pemetaan Domain

Pemetaan domain terdiri daripada domain sumber dan domain sasaran. Secara umumnya, domain ialah pengetahuan latar belakang untuk mewakili idea, iaitu unit teras representasi mental. Pemetaan domain bagi data ini ditunjukkan dalam Rajah 3.

Domain Sumber		**Domain Sasaran**
Lebah	→	Pekerja
Madu	→	Output

Rajah 3 Pemetaan domain sumber kepada domain sasaran bagi data PM 1001.

Data PM 1001 menggunakan lebah dan madu sebagai domain sumber. Lebah disasarkan sebagai pekerja, sementara madu disasarkan sebagai output. Sarang lebah dianalogikan sebagai pejabat dan ratu lebah sebagai majikan. Gambaran fungsi lebah dipetakan kepada kelakuan manusia yang rajin. Masyarakat Melayu melihat lebah sebagai jentera yang menggerakkan usaha dan madu pula sebagai hasil daripada usaha tersebut. Oleh itu, mesej yang ingin disampaikan menerusi data ini ialah gerakan ikhtiar dan komitmen yang tinggi dalam sesuatu perkara dapat menghasilkan output yang banyak.

Skema Imej

Lakoff dan Johnson (1980) mendefinisikan skema imej sebagai satu skemata pengetahuan yang menyusun atur pengalaman hidup manusia yang berlaku secara berulang dalam satu tema ayat. Data PM 1001 menggunakan skema imej penghubung. Skema imej ini berfungsi untuk menghubungkan bentuk abstrak atau konkrit yang melibatkan dua entiti yang berkaitan antara satu dengan lain. Unsur TR ialah *trajector,* manakala LM ialah *landmark*. Unsur TR merupakan peserta yang diberi tumpuan dalam sesuatu senario yang diprofilkan. Unsur LM ialah titik tumpuan dan lazimnya menjadi peserta sokongan dalam suatu senario yang dipotretkan itu. Dalam Rajah 4, TR ialah lebah dan LM ialah madu. Semakin banyak usaha, semakin banyak hasil yang diperoleh.



Rajah 4 Skema imej penghubung. (Diadaptasi daripada Johnson, 1987)

Metafora Konsepsi

Metafora konsepsi merupakan suatu bentuk mekanisme kognitif yang digunakan oleh manusia untuk memahami entiti abstrak melalui perkara konkrit (Kovecses, 2000). **Rajin ialah usaha yang berterusan** merupakan metafora konsepsi untuk data PM 1001. Lebah merupakan jentera yang menggerakkan usaha untuk menghasilkan sesuatu output atau produk. Usaha ialah tindakan penting dalam memperoleh kejayaan atau mencapai sasaran yang diinginkan. Menurut Nana et al. (2006), usaha ialah segala kegiatan yang dilakukan oleh manusia dalam rangka mencapai tujuan tertentu. Lebah menunjukkan usaha yang banyak, seperti tugas mengumpulkan nektar, membersihkan sarang dan memproses madu tanpa berputus asa walaupun mempunyai saiz badan yang kecil. Sekiranya lebah yang bersaiz kecil lebih bermotivasi dan tekun mencari madu, manusia yang mempunyai tulang empat kerat apatah lagi. Manusia dapat mempelajari sikap tidak mudah berputus asa walaupun penat daripada lebah untuk meningkatkan prestasi dalam kehidupan. Proses menghasilkan madu sememangnya mengambil masa yang agak lama. Oleh itu, perkara ini secara implisit memvisualisasikan kesabaran lebah ketika menunggu output yang diinginkan, iaitu madu yang telah siap.

Metonimi Konsepsi

Metonimi konsepsi pula digunakan sebagai fenomena rujukan untuk menggantikan sesuatu entiti dengan satu daripada ciri atau sifat rujukan tersebut. **Lebah dan madu melambangkan kerajinan** ialah metonimi konsepsi bagi data PM 1001. Lebah dikonsepsikan sebagai orang yang rajin berusaha, manakala madu dikonsepsikan sebagai hasil yang diperoleh daripada usaha tersebut. Mungkin, wujud persoalan tentang punca madu tidak digantikan dengan unsur lain. Jawapannya ialah masyarakat Melayu dahulu menggunakan lebah dan madu untuk mencipta peribahasa kerana kedua-dua unsur ini tidak boleh dipisahkan antara satu dengan lain.

Malah, lebah hanya boleh menjalankan fungsinya sahaja, iaitu memproses madu dan tidak dapat membentuk sesuatu produk lain yang di luar kemampuannya. Oleh hal yang demikian, pembaca mudah memahami maksud peribahasa dengan merujuk situasi atau keadaan hasil daripada pengalaman tersebut. Doni (2020) turut menegaskan bahawa walaupun saiz lebah hanya 25mm, lebah sangat tekun mencari nektar bunga untuk

memproses madu. Oleh itu, masyarakat Melayu feudal menggunakan unsur lebah dan madu untuk memprojeksikan nilai kerajinan dalam kegiatan seharian manusia. Misalnya, tingkah laku pesawah dan petani yang bekerja keras tanpa berputus asa untuk meningkatkan hasil tanaman dan mencari nafkah bagi menyara keluarga boleh digambarkan menerusi penggunaan data peribahasa ini.



Rajah 5 Rantau konsepsi nilai kerajinan bagi peribahasa Melayu. (Dirujuk dan diadaptasi daripada Tendahl, 2009)

Contoh Penggunaan Peribahasa dalam Ayat

Siti Hajar et al. (2014) mengemukakan contoh penggunaan peribahasa bagi data ini dalam ayat seperti yang berikut:

Ayat 1:

Pak Jamil bekerja "bagai lebah menghimpun madu" untuk membina rumahnya dengan segera.

Ayat 2:

Encik Rahman sentiasa bekerja keras "bagai lebah menghimpun madu" untuk memberikan kehidupan yang selesa kepada keluarganya.

Rantau Konsepsi Nilai Kerajinan bagi Peribahasa Melayu

Rajah 5 menunjukkan rantau konsepsi nilai kerajinan bagi data peribahasa Melayu yang telah diisi oleh fitur elemen yang terkandung dalam Teori Hibrid, seperti konsep leksikal, konsep *ad hoc*, domain sumber dan domain sasaran, skema imej, metafora konsepsi, serta metonimi konsepsi.

Peribahasa Tamil
Analisis Data 2

Kod Data	:	PT 1001
Peribahasa	:	*Azhuta pillai paal kudikum*
Terjemahan	:	Bayi yang menangis akan minum susu
Maksud	:	Seseorang perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai keinginan atau matlamatnya.
Nilai	:	Kerajinan

Pecahan Maksud

Menurut Vijaya (1993), kaum wanita di negara India Selatan bekerja di sawah padi dan kebun sayur untuk membantu suami menampung perbelanjaan keluarga pada zaman dahulu. Banyak wanita memberikan susu ibu kepada bayi dan anak disebabkan oleh masalah ekonomi keluarga. Oleh itu, ibu turut membawa anak kecil ke tempat kerja. Mereka mengikat buaian pada pokok menggunakan sari lama untuk menidurkan bayi dan anak kecil masing-masing. Perkara ini juga memudahkan ibu menyusukan bayi yang menangis. Anak-anak pula sentiasa berada dalam pandangan ibu

ini. Maka, peribahasa ini telah dicipta berdasarkan persekitaran penutur tersebut.

Pecahan maksud yang digunakan bagi data PT 1001 terdiri daripada leksikal **bayi**, **menangis** dan **susu**. Bayi merupakan anak kecil yang baru dilahirkan oleh manusia (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015). Biasanya, usia bayi adalah dalam lingkungan sehari hingga dua belas bulan. Bayi tidak boleh bercakap, sebaliknya hanya menangis untuk menyatakan keperluannya, seperti lapar, sakit, sedih, marah dan sebagainya. Menurut Javed dan Karthi (2017), bayi merupakan kategori manusia yang paling muda dalam kumpulan kanak-kanak. Makanan utama bayi hanyalah susu, sama ada susu ibu atau susu formula. Seseorang bayi terpaksa bergantung pada ibunya untuk disusui dan tidak mampu melakukan sesuatu perkara sendiri.

Ulasnya lagi, kepala bayi amat besar berbanding dengan anggota badan yang lain, begitu juga kranium yang lebih besar berbanding dengan saiz kepalanya. Kranium ialah bahagian tengkorak yang melindungi otak. Bayi akan minum susu beberapa kali sehari mengikut bilangan bulan untuk mengatasi kelaparannya. Ronny (2008) menegaskan bahawa bayi yang berusia kurang enam bulan tidak dibenarkan untuk mengambil bubur. Bayi akan tidur pada kebanyakan waktu, iaitu siang dan malam. Oleh itu, bayi sering menangis untuk memaklumkan keperluannya, seperti mengantuk, sendawa, lampin basah, tidak selesa, lapar, dan sakit perut (Dunstan, 2006).

Perbuatan menangis didefinisikan sebagai cara untuk meluahkan perasaan sedih dan duka dengan mencucurkan air mata dan sedu sedan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015). Perbuatan ini juga merupakan tindakan seseorang yang mengeluarkan air mata sebagai tindak balas terhadap emosi yang dialaminya. Menurut Putu (2019), tangisan berlaku apabila terbentuknya sebuah hubungan neuron antara pembuluh air mata dengan kawasan otak manusia yang terlibat dengan emosi. Selain itu, menangis ialah cara bayi berkomunikasi dengan orang lain. Moscova (2022) turut menjelaskan bahawa tangisan ialah komunikasi dominan yang digunakan oleh seseorang bayi dalam rutin hariannya. Kandungan air mata terdiri daripada tiga bahan utama, iaitu air, minyak dan lendir. Air mata berfungsi untuk membersihkan mata, mencegah kerengsaan dan mencegah mata kering, serta melepaskan tekanan (Rena, 2021).

Susu merupakan cecair berwarna putih berkhasiat yang membekalkan tenaga kepada bayi. Hanya susu yang boleh diberikan kepada bayi kerana sistem pencernaannya belum mampu menghadamkan bahan

makanan dalam bentuk pepejal (Mathur & Dhulika, 2014). Antara jenis susu yang boleh diminum oleh bayi termasuklah susu ibu, susu lembu dan susu formula. Tambahnya lagi, susu mempunyai banyak nutrien yang diperlukan oleh badan. Antara kebaikan nutrien ini termasuklah memberikan daya tahan kepada bayi untuk melawan penyakit, serta berpotensi untuk menguatkan otot dan tulang manusia. Susu diberikan kepada bayi dengan menggunakan botol susu. Menurut Siti Fatimah et al. (2014), susu ibu merujuk susu daripada kelenjar mamari yang terletak pada bahagian payudara. Susu awal yang dikenali sebagai kolostrum pula mengandungi antibodi ibu dan sangat baik untuk bayi. Penyusuan badan mampu mengurangkan risiko pelbagai penyakit yang boleh dihidapi oleh ibu dan bayi.

Konsep *Ad Hoc*

Data peribahasa PT 1001 bersifat ujaran dan menggunakan konsep *ad hoc* penyempitan yang ditunjukkan dalam Rajah 6. Penciptaan peribahasa oleh penutur sesuatu bangsa bersifat eksklusif dan maknanya dapat ditafsirkan berdasarkan pengalaman kognitif penutur itu sendiri. Peribahasa Tamil merupakan peribahasa yang khusus kepada penuturnya. Oleh itu, pengkaji memilih leksikal yang dianalisis berdasarkan makna peribahasa tersebut tanpa menggunakan terjemahan untuk memperoleh hasil yang bersifat autentik.

Leksikal **bersungguh-sungguh** telah dipilih berdasarkan maksud data peribahasa. Leksikal ini menggambarkan kehendak, kemahuan dan ketekunan untuk mendapatkan sesuatu perkara. Maksud yang sesuai dengan konteks peribahasa ini ialah ketekunan dalam mendapatkan sesuatu perkara. Leksikal **bersungguh-sungguh** (metafora linguistik) dianggap kabur kerana mempunyai makna rujukan yang pelbagai, iaitu azam, impian, semangat dan hasrat.

Makna rujukan merupakan hubungan antara satu objek dengan objek lain yang mempunyai kaitan dengannya. Makna rujukan bagi leksikal **bersungguh-sungguh** ini diperoleh daripada kamus. Oleh sebab leksikal **bersungguh-sungguh** ini menunjukkan kata kerja yang berbentuk tindakan, matlamat peribahasa ini adalah untuk menggambarkan hasil. Makna rujukan azam, impian, semangat dan hasrat tidak menggambarkan tindakan. Maka, pengkaji menggunakan leksikal sinonim yang lebih sesuai dengan konteks data, iaitu ketekunan. Penggunaan ayat dalam data korpus pula hanya digunakan sebagai bukti makna kamus bagi leksikal bersungguh-sungguh.



Rajah 6 *Ad Hoc* penyempitan. (Diadaptasi daripada Tendahl, 2009)

Inferens dalam lingkungan [C*] dilihat paling relevan bagi leksikal **bersungguh-sungguh** berdasarkan *ad hoc* penyempitan. Tambahan lagi, leksikal **bersungguh-sungguh** merujuk ketekunan untuk mendapatkan sesuatu perkara bagi konteks yang ingin disampaikan menerusi interpretasi data PT 1001. Makna lain lingkungan [L] telah digugurkan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6. Konteks tetap bermaklumat bagi data ini ialah keazaman yang tinggi untuk mencapai sesuatu. Berdasarkan Korpus DBP (2022), bukti data korpus bagi leksikal **bersungguh-sungguh** adalah seperti yang berikut.

Contoh 1 : Ayah berharap Linda dan Nizam akan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM.

Contoh 2 : Johan bersungguh-sungguh untuk mengahwini Siti Aminah sehingga berjumpa dengan ibu bapanya.

Contoh 3 : Aiman bekerja bersungguh-sungguh di syarikat itu supaya cepat mendapat kenaikan pangkat.

Pemetaan Domain

Domain merupakan kefahaman tentang pengalaman yang mewakili sesuatu konsep, iaitu unit asas representasi mental. Pemetaan domain bagi data ini ditunjukkan dalam Rajah 7.

Domain Sumber		**Domain Sasaran**
Ketekunan dalam mendapatkan sesuatu perkara	→	Bersungguh-sungguh

Rajah 7 Pemetaan domain sumber kepada domain sasaran bagi data PT 1001.

Domain sumber bagi data PT 1001 ialah ketekunan dalam mendapatkan sesuatu perkara yang disasarkan kepada sikap bersungguh-sungguh. **Bayi** dipetakan sebagai pelaku, **susu** sebagai output dan **menangis** disasarkan sebagai usaha atau tindakan bagi mendapatkan output tersebut. Perbuatan menangis merupakan bahasa bayi untuk berkomunikasi dengan orang lain. Mesej yang ingin disampaikan menerusi data ini ialah sikap tekun untuk mencapai kejayaan dapat memberikan kebaikan kepada diri sendiri, iaitu dengan memenuhi keperluan dan kemahuan yang dihajati. Oleh itu, masyarakat India melihat sikap rajin menerusi ketekunan dalam memperoleh sesuatu sebagai tindakan bermatlamat.

Skema Imej

Data PT 1001 menggunakan skema imej aturan linear. Dalam Rajah 8, pergerakan daripada titik A ke titik B merupakan sumber laluan matlamat yang mempunyai unsur pengaliran dan dikaitkan dengan masa. Leksikal **bersungguh-sungguh** menunjukkan unsur pergerakan yang mempunyai matlamat atau hala tuju. Berdasarkan skema imej aturan linear, seseorang yang bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu perkara pasti akan mendapat keuntungan atas usaha tersebut. Unsur TR ialah *trajector,* manakala LM ialah *landmark*. Unsur TR ialah bayi, manakala unsur LM ialah susu. Semakin banyak usaha yang dilakukan, semakin cepat seseorang itu memperoleh hasil. Misalnya, bayi yang kuat menangis akan mendapat susu dalam masa yang singkat.



Rajah 8 Skema imej aturan linear. (Diadaptasi daripada Johnson, 1987)

Metafora Konsepsi

Usaha adalah kebolehan memperoleh sesuatu merupakan metafora konsepsi bagi data PT 1001. Bayi hanya boleh menangis untuk mendapatkan susu. Hal ini dikatakan demikian kerana bayi tidak boleh bercakap untuk menyatakan keperluannya. Masyarakat India mengamati tangisan bayi untuk memanggil ibunya sebagai usaha yang berkonsepkan kesungguhan. Sekiranya bayi tersebut tidak menangis, ibunya tidak akan mengetahui bahawa bayi ini berada dalam kelaparan. Malah, matlamat bayi ini untuk minum susu tidak akan tercapai. Oleh itu, bayi ini dapat memenuhi kehendaknya sekiranya dia menangis kerana ibu akan memberikannya susu. Hal yang sama juga dikaitkan dengan keinginan manusia untuk memenuhi kehendak yang tidak dapat dicapai tanpa berusaha keras.

Metonimi Konsepsi

Ketekunan melambangkan kerajinan merupakan metonimi konsepsi bagi data PT 1001. Menangis dikonsepsikan sebagai usaha yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Bayi dianalogikan sebagai pelaku, manakala susu merupakan matlamat. Mungkin, wujud persoalan tentang alasan susu tidak digantikan dengan kopi. Sebabnya, bayi dan susu berkait rapat dan tidak boleh dipisahkan. Menurut Abd Karim (2003), susu merupakan satu-satunya makanan utama bayi yang mengandungi nutrien tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana sistem penghadaman bayi belum bersedia untuk mencernakan makanan berbentuk pepejal. Sekiranya bayi diberi makanan lain, bayi mungkin tercekik kerana bayi tidak tahu mengunyah dan menelan makanan.

Masyarakat India turut melihat tangisan bayi secara konsisten sebagai kesungguhan yang berterusan. Misalnya, bayi tidak akan berhenti menangis sekiranya tidak mendapat susu. Malah, bayi akan meneruskan tangisan dengan kuatnya sehingga dapat minum susu. Data peribahasa ini memperlihatkan bahawa jika bayi sekecil ini mampu menggunakan segala keupayaannya untuk memastikan kehendaknya dipenuhi, manusia yang cukup sempurna sifat dan akal fikirannya tidak boleh memberikan pelbagai alasan untuk tidak menggapai kejayaan. Oleh itu, penciptaan peribahasa ini jelas memancarkan usaha yang berterusan untuk memperoleh sesuatu kejayaan menerusi nilai kerajinan.

Contoh Penggunaan Peribahasa dalam Ayat

Saraswathy dan Tamilmathi (2016) memberikan contoh penggunaan peribahasa data ini dalam ayat seperti yang berikut:

Ayat 1:

Pattanatthirku pizhaippu thedi vantha Balan 'azhuta pillai paal kudikum' enbatharkerppa angum ingum alainthu thanakenna oru velaiye petrukondaan.

Terjemahan Ayat:

Balan yang berhijrah ke bandar sanggup bersusah payah untuk mendapatkan satu pekerjaan bagi menyara kehidupannya. Perkara ini bertepatan dengan peribahasa "bayi menangis akan minum susu".

Ayat 2:

'Azhuta pillai paal kudikum' enbatharkerppa taan petrorgalin manathai velvatharkage, avargal velai mudinthu thirumbum mun; Shanti migavum arvathodu iravu unavai samaithu kolgiral.

Terjemahan Ayat:

Shanti bersungguh-sungguh menyediakan makan malam sebelum ibu bapanya balik daripada kerja supaya dapat memenangi hati mereka, bak kata pepatah "bayi menangis akan minum susu".

Rantau Konsepsi Nilai Kerajinan bagi Peribahasa Tamil

Rajah 9 menunjukkan rantau konsepsi nilai kerajinan bagi data peribahasa Tamil yang telah diisi dengan fitur elemen yang terkandung dalam Teori Hibrid, seperti konsep leksikal, konsep *ad hoc*, domain sumber dan sasaran, skema imej, metafora konsepsi serta metonimi konsepsi.

PERSAMAAN DAN PERBEZAAN RANTAU KONSEPSI ANTARA PERIBAHASA MELAYU DENGAN PERIBAHASA TAMIL

Persamaan antara rantau konsepsi bagi peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil dapat dilihat menerusi penggunaan objek dalam domain sumber. Selain itu, perbezaan yang ketara dapat dilihat antara rantau konsepsi nilai kerajinan bagi data peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil menerusi fitur lain dalam Teori Hibrid. Skema imej yang digunakan dalam peribahasa Melayu ialah penghubung, manakala skema imej aturan



Rajah 9 Rantau konsepsi nilai kerajinan bagi peribahasa Tamil. (Dirujuk dan diadaptasi daripada Tendahl, 2009)

linear didapati lebih sesuai bagi peribahasa Tamil. Dari segi pembinaan konsep *ad hoc*, peribahasa Melayu dilihat menggunakan *ad hoc* peluasan, sementara peribahasa Tamil menggunakan *ad hoc* penyempitan. Hal ini dikatakan demikian kerana data peribahasa Melayu berbentuk kiasan, manakala data peribahasa Tamil bersifat ujaran. Seterusnya, peribahasa Melayu menggambarkan nilai kerajinan dalam metafora konsepsi sebagai

usaha, manakala peribahasa Tamil menggambarkan metafora konsepsi sebagai kegigihan. Metonimi konsepsi bagi peribahasa Melayu merujuk matlamat, manakala metonimi konsepsi bagi peribahasa Tamil merujuk unsur tanggungjawab. Jadual 1 memaparkan perbandingan rantau konsepsi antara dua bahasa yang berlainan budaya.

Jadual 1 Perbandingan rantau konsepsi nilai kerajinan antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil.

Peribahasa Melayu	Fitur Hibrid	Peribahasa Tamil
Objek	Domain Sumber	Objek
Penghubung	Skema Imej	Aturan Linear
Peluasan	Konsep *Ad Hoc*	Penyempitan
Usaha	Metafora Konsepsi	Kegigihan
Matlamat	Metonimi Konsepsi	Tanggungjawab

PENGGUNAAN IMEJ DALAM PERIBAHASA MELAYU DAN PERIBAHASA TAMIL BERDASARKAN NILAI BUDAYA DAN FALSAFAH MASYARAKAT

Pengaplikasian imej dalam data peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil bagi nilai kerajinan telah dihasilkan berdasarkan pengalaman dan akal budi masyarakat Melayu dan masyarakat India. Penggunaan unsur lebah dan susu dalam data peribahasa Melayu dan data peribahasa Tamil, masing-masing yang berorientasikan nilai kerajinan masyarakat menunjukkan persamaan dari aspek budaya masyarakat Melayu dan masyarakat India. Masyarakat Melayu mengamati lebah sebagai serangga yang sangat rajin bekerja dan menghimpunkan madu untuk kegunaan manusia. Kebiasaannya, lebah akan membina sarang di tempat yang tinggi supaya tidak didekati oleh musuh. Misalnya, di atas bukit, pada dahan pokok dan sebagainya. Selain itu, lebah merupakan pengejar prestasi yang tinggi (Nurul Aini, 2012). Hal ini dikatakan demikian kerana lebah tidak akan berhenti bekerja sekiranya tidak mencapai sasaran. Serangga kecil itu akan berehat seketika sekiranya penat, tetapi tidak akan berputus asa dengan mudahnya. Menurut Doni (2020), lebah merupakan seekor serangga yang sangat mementingkan disiplin dalam pekerjaan. Perkara ini secara tidak implisit mengagumkan masyarakat zaman dahulu. Ulasnya lagi, lebah mempunyai sikap positif, iaitu lebah tidak akan menghisap nektar daripada bunga yang belum mekar, sebaliknya memilih bunga yang segar dan bersih sahaja. Oleh itu, masyarakat Melayu memprojeksikan

sifat lebah kepada manusia yang gigih berusaha dalam membuat sesuatu pekerjaan.

Dari segi perspektif agama Hindu, masyarakat India pula melihat lebah sebagai pembawa tuah (Dornhaus & Chittka, 2004). Hal ini dikatakan demikian kerana pembinaan sarang lebah di rumah dianggap sebagai pembawa rezeki seperti sumber kewangan atau mendatangkan pelbagai berita yang menggembirakan. Lebah yang memproses madu dilihat sebagai serangga yang berupaya untuk menambah baik kesihatan manusia. Sejak zaman dahulu, dukun akan menggunakan madu yang dihasilkan oleh lebah untuk mengubati sesuatu penyakit, seperti batuk. Walaupun lebah merupakan sejenis serangga berbahaya, namun keistimewaannya tidak dapat dinafikan. Masyarakat India kagum dengan lebah yang tekun mencari madu walaupun saiznya kecil.

Seterusnya, susu dilihat sebagai perlambangan budi pekerti yang tinggi dan mulia dalam keintelektualan masyarakat Melayu. Susu yang berwarna putih diprojeksikan kepada identiti yang bersih dan syumul. Menurut Mohd Anuar dan Mohammad Aizat (2016), susu yang bersih akan menjadi rosak sekiranya bercampur dengan nila. Perkara ini jelas menyampaikan mesej bahawa orang baik akan dipengaruhi untuk melakukan perbuatan tidak baik sekiranya berkawan dengan orang jahat. Oleh itu, seseorang perlu bijak memilih rakan supaya tidak terpesong, seterusnya mendorongnya untuk melanggar norma masyarakat.

Dari perspektif agama Hindu pula, susu diprojeksikan kepada suatu unsur yang suci. Hal ini dikatakan demikian kerana susu digunakan untuk *abhisegham,* iaitu upacara memandikan patung dewa Murugan pada hari Thaipusam. Menurut Tangamalar (2014), masyarakat India akan membawa *paal kudam,* iaitu susu yang diisi di dalam belanga keluli tahan karat dan dijunjung di atas kepala untuk dibawa ke dalam kuil. Belanga yang berisi susu ini akan ditutup dengan kain berwarna kuning untuk mengelakkan sebarang pencemaran terhadap susu, serta dihiasi oleh benang berwarna putih. Kepercayaan kaum India ialah hajat mereka akan menjadi realiti dan ditunaikan oleh Dewa Murugan sekiranya menjalankan ibadah ini dengan baik dan sempurnanya.

RUMUSAN

Kesimpulannya, penyelidikan ini menunjukkan ciri persamaan dan perbezaan dari sudut rantau konsepsi dan nilai budaya bagi peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil. Penghuraian fenomena secara terperinci berdasarkan fitur elemen dalam Teori Hibrid turut mengukuhkan penjelasan akal budi antara dua masyarakat berbeza ini dari sisi linguistik. Konsep

leksikal bagi kedua-dua peribahasa telah diterbitkan menerusi kata **rajin**. Peribahasa Melayu menggunakan *ad hoc* peluasan untuk menerangkan makna tersirat sesuatu unsur, manakala peribahasa Tamil mengaplikasikan *ad hoc* penyempitan bagi menjelaskan keraguan leksikal. Domain sumber yang berbentuk objek bagi peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil disasarkan kepada elemen yang berkaitan dengan nilai kerajinan. Skema imej penghubung berperanan untuk menggambarkan kaitan antara lebah dengan madu, manakala skema imej aturan linear memvisualisasikan kekuatan tangisan bayi untuk memperoleh susu. Metafora konsepsi bagi kedua-dua peribahasa memfokuskan usaha dan tindakan dalam mencapai sesuatu sasaran. Seterusnya, metonimi konsepsi bagi peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil menekankan kewajipan individu dalam melaksanakan sesuatu tugas atau amanah yang diberikan.

Kajian ini dapat memberikan penginterpretasian makna yang lebih tepat dan autentik dalam penciptaan metafora dari segi falsafah masyarakat untuk memberikan nilai estetika kepada peribahasa. Cadangan kajian lain yang boleh dijalankan oleh pengkaji pada masa akan datang ialah penelitian kajian peribahasa antara dua budaya berbeza dengan lebih mendalam berlandaskan pendekatan berteori. Pembentukan maklumat tetap berkonteks menerusi konsep *ad hoc* bagi peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil merupakan suatu penemuan baharu dalam teori ini, serta memberikan impak positif dalam bidang semantik kognitif.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), khususnya Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi kerana telah menyediakan kemudahan dan peralatan yang diperlukan dalam kajian ini.

RUJUKAN

Abd Karim Zaidan. (2003). *Al-mufassal fi ahkam mar'ah wa baitul Muslim fi syariah Islamiyyah*, (ed. ke-3). Muassasah ar-Risalah.

Arni Johan. (2012). Pembelajaran peribahasa dalam kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Perkongsian Profesional bagi Guru-guru Permulaan*, *3,* 62–78.

Asad Mohamed & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Abstraksi objek konkrit dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa, 18*(2), 197–218.

Azim Yuldashev. (2018). *Peribahasa metafora haiwan dalam budaya Melayu dan Uzbek* [Disertasi Kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Berg, B. L. (2001). *Qualitative research methods for the social sciences* (4th ed.). Pearson.

Bruening, B. (2020). Idioms, collocations and structure: Syntactic constraints on conventionalized expressions. *Natural Language & Linguistic Theory, 38*(2), 365–424. https://doi.org/10.1007/s11049-019-09451-0

Budi Samadi. (2004). *Budidaya lebah madu*. Penerbit Aneka Ilmu.

Carston, R. (2002). *Thoughts and utterances: The pragmatics of explicit communication.* Blackwell Publishing.

Doni Putra. (2020). *Konsep nilai pendidikan karakter perspektif tadabbur al-Quran (Analisis tafsir ayat-ayat fauna)* [Disertasi Kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau, Indonesia. http://repository.uin-suska.ac.id/id/eprint/30753

Dornhaus, A., & Chittka, L. (2004). Why do honey bees dance? *Behavioral Ecology and Sociobiology*, *55*, 395–401. https://doi.org/10.1007/s00265-003-0726-9

Dunstan, P. (2006). *Open up and discover your baby's language.* Diperoleh daripada Babytaal.nl: http://www.babytaal.nl/media/PDF/ComprehensiveBooklet(2).pdf.

Febri Sugianto. (2019, 21 November). Manfaat madu dalam Islam dan kehidupan Nabi Muhammad. CNN Indonesia. https://www.cnnindonesia.com/gaya-hidup/20191121083203-284-450195/manfaat-madu-dalam-islam-dan-kehidupan-nabi-muhammad

Filipczuk-Rosinska, S. (2016). The comparison of a human being is a plant metaphor between the English and Polish language. *World Journal of Social Science*, *3*(1), 15–21.

Gibbs, R. W., & Steen, G. J. (1997). *Metaphor in cognitive linguistics.* John Benjamins Publishing Company.

Hirotani, M., & Fujii, K. (2019). Learning proverbs through telecollaboration with Japanese native speakers: Facilitating L2 learners' intercultural communicative competence. *Asian Pacific Journal of Second and Foreign Language Education, 4*(1), 1–22. https://doi.org/10.1186/s40862-019-0067-5

Javed Ismail & Karthi Nallasamy. (2017). Crying infant. *The Indian Journal of Pediatrics*, *84*(10), 777–781. https://doi.org/10.1007/s12098-017-2424-z

Jeffrey Devathanjam Sellvaraj & Manonmani Devi Annamalai. (2019). Rumpai dalam peribahasa Tamil: Perspektif sains pertanian. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, *3*(3), 362–370. https://doi.org/10.33306/mjssh27

Johnson, M. (1987). The body in the mind: *The bodily basis of meaning, imagination and reason.* University of Chicago Press.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Korpus DBP. (2002). Dewan Bahasa dan Pustaka. http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/Search2.aspx

Kovecses, Z. (2000). *Metaphor and emotion: Language, culture and body in human feeling.* Cambridge University Press.

Kovecses, Z., & Szabo, P. (1996). Idioms: A view from cognitive semantics. *Applied Linguistics*, *17*(3), 326–55.

Kulkova, E. S., & Fischer, M. H. (2019). Idioms in the world: A focus on processing. *Front. Psychol. 10*, 1155 https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.01155.

Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by.* University of Chicago Press.

Langacker, R. (1987). *Foundations of cognitive grammar.* Standford University Press.

Lelya Hilda. (2016). Rahasia heksagonal pada sarang lebah madu (Pandangan sains dan Islam). *Darul 'Ilmi*: *Jurnal Ilmu Kependidikan dan Keislaman, 4*(1), 76–87.

Mathur, N. B., & Dhulika Dhingra. (2014). Breastfeeding. *The Indian Journal of Pediatrics*, *81*(2), 143–149. https://doi.org/10.1007/s12098-013-1153-1

Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. (2016). Budaya makanan dan pemakanan halal dalam kalangan masyarakat Melayu menurut perspektif Islam. Dalam M.Z.M. Yusoff, K. Ahmad & M.A. Razzak (Eds.), *Penyelidikan tentang makanan: Perspektif nabawi dan saintifik*, 195–206. Universiti Malaya.

Moscova, M. (2022, 24 Mei). *Curious Kids: Mengapa air mata keluar ketika kita menangis?* The Conversation. https://theconversation.com/curious-kids-mengapa-air-mata-keluar-ketika-kita-menangis-183572

Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2019). Ayam (*Gallus gallus domesticus*) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan, 17*(1), 36–42.

Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2021). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia, 40*(1), 179–213. https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.9

Muhammad Zaid Daud, Nurul Aida Abdullah & Mary Fatimah Subet. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, *10*(2), 24–44. https://doi.org/10.33736/ils.2764.2021

Nana Supriatna, Mamat Ruhimat & Kosim. (2006). *Ilmu pengetahuan sosial terpadu (Sosiologi, Geografi, Ekonomi, Sejarah).* Grafindo Media Pratama.

Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin & Zaharani Ahmad. (2012). Peluasan makna alim: Analisis semantik kognitif. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, *12*(2), 457–473.

Nurul Aini. (2012). *Strategi pemasaran kerajinan lilin sarang madu lebah di Desa Gunung Sahilan Kecamatan Gunung Sahilan Kabupaten Kampar menurut perspektif ekonomi Islam* [Tesis sarjana muda, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau, Indonesia]. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau Repository. http://repository.uin-suska.ac.id/id/eprint/9448

Pecenek, D. (2018). Turkish heritage speakers' comprehension of Turkish proverbs: The role of familiarity. *Journal of Speech, Language and Hearing, 21*(3), 190–199. https://doi.org/10.1080/2050571X.2017.1410922

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2000). Sukatan pelajaran pendidikan moral: Kurikulum bersepadu sekolah rendah. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Putu Elmira. (2019, 26 Jun). Enam fakta unik air mata yang wajib kamu tahu, salah satunya bisa pengaruhi orang lain. Liputan 6. https://www.liputan6.com/lifestyle/read/3997622/6-fakta-unik-air-mata-yang-wajib-kamu-tahu-salah-satunya-bisa-pengaruhi-orang-lain

Ragini Ragavan & Che Ibrahim Salleh. (2015). Peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil: Aspek sosial. *Journal of Business and Social Development*, *3*(1), 66–75.

Rena Widyawinata. (2021, 21 April). Hidup Sehat: Ada banyak jenis, ini dia berbagai fakta menarik soal air mata. Sehat Q. https://www.sehatq.com/artikel/manfaat-air-mata-dan-fungsinya

Ronny Hendrawan. (2008). *Pusat penitipan bayi dan pendidikan anak balita di Surabaya Timur.* Perpustakaan Universitas Dharma Cendika Surabaya.

Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Metafora *KASIH* dalam teks Melayu tradisional: Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Linguistik, 17*(1), 19–28.

Ruslan Zainuddin & Abd Sukor Yusof. (2019). *Sejarah Malaysia dan Asia Tenggara (1800-2000)* (ed. ke-3). Penerbit Fajar Bakti.

Saraswathy Kannan & Tamilmathi Arumugam. (2016). *Buku teks bahasa Tamil Tahun 3 sekolah jenis kebangsaan Tamil.* Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sauntharapandian Singaram. (1998). *Tamilil palamoli ilakiyam*. Elakkumi Nilayam.

Siti Fatimah Salleh, Normadiah Daud & Saadan Man. (2014). Amalan pengambilan ibu susuan: Satu kajian sorotan terhadap dokumentasi bukti penyusuan. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4*(1), 113–134.

Siti Hajar Abdul Aziz, Siti Sarah Abdul Malek & Rahmat Ibrahim. (2014). *Buku teks bahasa Melayu Tahun 4 sekolah kebangsaan.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Basil Blackwell Publishing.

Tangamalar Manickam. (2014). *Kajian terhadap pengurusan perayaan Thaipusam di Kuil Thanneermalai, Penang.* [Projek tahun akhir, Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia]. UNIMAS Institutional Repository. http://ir.unimas.my/id/eprint/21276

Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2019). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Jurnal Humanika*, *11*(1), 73–80.

Tendahl, M. (2009). *A hybrid theory of metaphor: Relevance theory and cognitive linguistics.* Palgrave Macmillan.

Vijaya Ramaswamy. (1993). Women and farm work in Tamil folk songs. *Social Scientist*, *21*(9/11), 113–129. https://doi.org/10.2307/3520429

Zaid Mohd Zin & Wan Suhaila Wan Idris. (2017). Kajian persamaan makna peribahasa Melayu dan peribahasa Jepun. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*, *7*(1), 19–33.

Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian makna dan nilai.* Universiti Putra Malaysia.